

25/04/2002

Seri Paduka cergas jalankan tugas

Wan Hazmeer Bakar; Nor Afzan Mohd Yusof

SEJURUS dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mula menyesuaikan diri dengan kehidupan sebagai Ketua Negara yang dipenuhi pelbagai tugas rasmi yang merangkumi menyampaikan titah ucapan dan lawatan rasmi.

Dalam tempoh sejak empat bulan lalu, baginda mengadakan lawatan ke beberapa kementerian, agensi dan jabatan kerajaan, menghadiri pertunjukan, menyampaikan anugerah sukan kepada atlet negara, mengunjungi pameran dan merasmikan pesta anjuran kerajaan.

Walaupun jadual tugasnya kelihatan ketat, Yang di-Pertuan Agong menunjukkan betapa prihatinnya baginda terhadap tugas baru itu.

Ia menunjukkan pengalaman baginda sebagai Raja Muda dan Raja Perlis sebelum ini serta ketika perkhidmatan ketenteraan membolehkan baginda melaksanakan tugas dengan cemerlang.

Pada 23 Disember, Tuanku Syed Sirajuddin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah bersama rakyat berangkat menghadiri majlis sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Kebangsaan di Dataran Bandaraya Johor Bahru.

Baginda dan Raja Permaisuri Agong turut diiringi Sultan dan Sultanah Johor, Tunku Mahkota Johor bersama-sama mencemar duli berhari raya dengan rakyat pelbagai kaum dan agama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman turut menghadiri majlis itu.

Pada 23 Januari pula Yang di-Pertuan Agong buat pertama kali berangkat membuat lawatan ke Kementerian Pertahanan.

Mac adalah antara bulan paling sibuk apabila baginda berangkat melawat pelbagai tempat bagi mengetahui lebih dekat perkembangan, pembangunan dan kemajuan yang dicapai pelbagai sektor dalam negara.

Antaranya ialah melawat kilang Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) di Shah Alam, Stesen Sentral Kuala Lumpur (KL Sentral), menaiki Express Rail Link (ERL) KLIA Express dan melawat Pusat Penyiaran Astro di Bukit Jalil.

Pada 18 Mac lalu, baginda merasmikan perlumbaan Grand Prix Malaysia Petronas yang turut disiarkan secara langsung di lebih 200 negara seluruh dunia.

Pada majlis itu, baginda yang diiringi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sempat melawat 'pit stop' pasukan bertanding dan berbual mesra dengan pelumba negara, Alex Yoong yang mewakili pasukan Go KL Minardi.

Baginda turut berangkat merasmikan sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil pada 16 Mac.

Sebelum itu, iaitu pada 13 Mac, pasangan diraja melawat The Royal Mint of Malaysia, iaitu syarikat pengeluar wang syiling, di Seksyen 15, Shah Alam.

Bagi meninjau kepesatan pembangunan sektor pengangkutan di Lembah Klang, Tuanku Syed Sirajuddin menaiki tren Projek Usahasama Transit Ringan Automatik (Putra) pada 6 Mac.

Seri Paduka berdua menaiki tren nombor 12 dari depot PUTRA di Lembah Subang ke stesen KLCC. Angka itu dipilih bagi memperingati baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12.

Sebelum itu, baginda melawat Ibu Pejabat Polis Bukit Aman bagi meninjau dan mengetahui lebih dekat serta menemui pegawai dan anggota pasukan

penjaga keamanan negara.

April juga adalah bulan yang sibuk dalam rutin tugas baginda, termasuk melawat ibu pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB), di Bangsar, Kuala Lumpur dan merasmikan Pertunjukan Tatu dan Pancaragam Gabungan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), di Stadium Nasional, Bukit Jalil.

Tuanku Syed Sirajuddin juga menerima menghadap anggota tertinggi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM), di Istana Negara.

Baginda juga merasmikan Pesta Air Nasional 2002 di Tanjung Harapan, Pelabuhan Klang pada 14 April. Pada 9 April, baginda menyampaikan Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan 2001 kepada jaguh badminton, Roslin Hashim dan jaguh bowling, Shahlin Zulkifli pada majlis di sebuah hotel di ibu negara.

Yang di-Pertuan Agong juga melawat Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia 2002 (DSA2002), iaitu pameran yang diiktiraf sebagai kedua terbesar di dunia yang menggabungkan peralatan pertahanan udara laut dan darat.

Pada 9 April baginda mencemar duli melawat Kementerian Kewangan di Jalan Duta, Kuala Lumpur di mana Perdana Menteri sendiri memberikan taklimat mengenai kementerian itu.

Awal sebelum itu, iaitu pada 2 April baginda yang diiringi kerabat diraja mencemar duli menonton filem Idola, sebuah terbitan syarikat tempatan, di Gold Class, Mid Valley, Kuala Lumpur.

Dalam tempoh berkenaan, baginda juga menjalankan tugas rasmi lain sebagai Ketua Negara, termasuk menerima wafat perlantikan wakil luar negara ke Malaysia dan pemimpin asing yang melawat negara ini.

Antaranya menerima menghadap Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi pada 10 Januari lalu.

Salah satu tugas rasmi penting Yang di-Pertuan Agong ialah merasmikan Sesi Keempat Persidangan Ke-10 Parlimen pada 11 Mac lalu.

Baginda yang juga Ketua Agama negeri tidak beraja menyerahkan surat perlantikan kepada Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Hilmi Yahaya, selaku Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang, di Istana Negara pada 15 April lalu.

(END)